

Edisi Kesepuluh
Oktober 2010

Mesyuarat kerjasama dalam bidang Penerangan dan Penyiaran Negara Brunei Darussalam - Kerajaan Thailand

Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Teknikal Ke-9 di bawah Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Thailand dalam bidang Penerangan dan Penyiaran telah diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Mesyuarat membincangkan mengenai pelaksanaan rancangan-ancangan dalam bidang Penerangan dan Penyiaran termasuk pertukaran-pertukaran rancangan TV dan radio serta bahan-bahan terbitan di antara Negara Brunei Darussalam dengan Thailand.



Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Teknikal Ke-9 di bawah Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Thailand dalam bidang Penerangan dan Penyiaran.

Mesyuarat di bidang Penerangan telah berlangsung di Bilik Mesyuarat 3, sementara mesyuarat di bidang Penyiaran telah berlangsung di Bilik Mesyuarat 2, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Mesyuarat di bidang penerangan dipengerusikan oleh Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong bagi pihak Penerangan Brunei.

Pameran Bersama Brunei Darussalam-Thailand mengenai Penerangan dan Penyiaran

Program Pameran Bersama Brunei Darussalam - Thailand Mengenai Penerangan dan Penyiaran yang merupakan sebahagian dari Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Thailand dibuka rasmi pada 1 Oktober, di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Pameran tersebut dirasmikan bersama oleh Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pengiran Abdul Haris bin Pengiran Haji Shabudin dan Timbalan Setiausaha Tetap di JPM Thailand, Dr. Anek Permvongseni.

Antara lain pameran itu mengetengahkan mengenai perkembangan hubungan dua hala terutama di dalam bidang Penerangan dan Penyiaran.

Dengan adanya pameran



Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Abdul Haris bin Pengiran Haji Shabudin dan Timbalan Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri, Thailand, Dr. Anek Permvongseni semasa merasmikan pameran tersebut.

seumpamanya para pengunjung berpeluang meningkatkan kefahaman bahawa Negara Brunei Darussalam dan Thailand berkongsi persamaan, di samping para pemimpin kedua-dua negara juga memiliki kepimpinan yang hebat dan rakyatnya begitu menghormati dan mengagumi pemerintah mereka.

Pameran yang diadakan mulai 1 Oktober hingga 3 Oktober itu diharap akan mengukuhkan lagi

hubungan mesra antara kedua-dua negara, di samping mendatangkan faedah bersama.

Melalui pameran itu juga diharap akan menyumbang kepada persahabatan mesra dan akrab yang sedia ada di antara Negara Brunei Darussalam dengan Thailand selain mempromosi kefahaman yang lebih baik serta menghargai nilai-nilai budaya dan sosial antara kedua-dua negara.

Sidang Redaksi

Penasihat

Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong
Hajah Noorashidah Haji Aliomar

Ketua Pengarang

Sastra Sarini Haji Julaini
Haji Dayang Haji Kasim

Ahli Sidang Pengarang

Noriah Haji Abdul Hamid
Hajah Noorhijrah Haji Idris
Hajah Zaianit Haji Noorkhan
Aidah Hidop
Hajah Apsah Haji Sahdan

Penyumbang Berita

Mohd. Nizam Abdullah
Hajah Norpisah Md Salleh
Nur Amalina Jennifer Abdullah
Haji Mahmud Hafidzie Haji Masood
Ismalee Haji Abdul Rahman
Faridah Haji Kaderi
Fa'ezah Hayati Haji Abdul Rahman
Norainah Ibrahim
Asnah Diwa
Bahagian-bahagian
Cawangan Daerah-daerah

Penyemak

Hajah Norpisah Md Salleh

Penyelaras Online

Haji Ariffin Mohd Noor

Fotografi

Bahagian Fotografi
&
Audio Visual
Bahagian Perhubungan Awam
&
Perkhidmatan Media
Bahagian Berita Inggeris

Reka Letak

Hajah Apsah Haji Sahdan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

Seperti biasanya pada bulan-bulan penghujung tahun 2010 adalah merupakan waktu-waktu yang tidak kurang sibuknya dengan separuh pertama tahun ini. Pelbagai aktiviti bagi Jabatan Penerangan sama ada yang berhubung kait dengan aktiviti dalam dan luar jabatan telah siap disusun rapi sepertimana yang telah dirancang pada awal-awal tahun ini. Keseluruhan perancangan dan projek telah dilaksanakan yang melibatkan seluruh warga Penerangan sama ada melalui bahagian masing-masing ataupun penglibatan jabatan dengan jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian yang lain.

Satu lagi kemajuan telah juga dicapai pada bulan Oktober ini ialah Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal kali ke-9 antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Thailand yang bermula pada 1 hingga 3 Oktober. Mesyuarat berkenaan yang diadakan di bawah Memorandum Persefahaman antara kedua negara yang telah ditandatangani pada bulan Ogos tahun 2001, antara lain bersetuju untuk melaksanakan pelbagai aktiviti seperti penerbitan rancangan televisyen, perkhidmatan-perkhidmatan informasi kerajaan seperti pertukaran wartawan dan penerbitan, pertukaran lawatan termasuk juga latihan pendidikan dan penyelidikan. Ia juga diselenggarakan dengan Pameran Bersama Negara Brunei Darussalam dan Thailand mengenai Penerangan dan Penyiaran yang juga dilangsungkan sekali di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Pada bulan ini juga Jabatan Penerangan terus memainkan peranannya yang proaktif sebagai salah sebuah jabatan yang bertanggungjawab menjadi lidah dan mata kerajaan serta penghubung antara rakyat dengan kerajaan dengan mengelolakan Majlis Penyerahan Poster sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-17, dalam usaha untuk memberigakan sambutan berkenaan kepada umum.

Jabatan Penerangan juga tidak pernah sunyi dari lawatan dan kunjungan sama ada daripada institusi dalam negara dan juga luar negara. Pada bulan ini Jabatan Penerangan telah menerima kunjungan daripada Pegawai Pusat Penelitian dan Pengembangan Kebudayaan, Bandar Sumber Daya Kebudayaan dan Pariwisata, Republik Indonesia. Antara lain tujuan lawatan berkenaan adalah untuk menjalin hubungan silaturahim dalam bidang sejarah dan kebudayaan antara kedua negara.

Begitu juga dengan lawatan dari dalam negara, Jabatan Penerangan juga menerima kunjungan daripada institusi pengajian tinggi Kelab Rakis dan Pelajar Modul Kemahiran Komunikasi Strategik, Pusat Bahasa, kedua-duanya dari Universiti Brunei Darussalam dan institusi pendidikan seperti Sekolah Rendah Dato Mohammad Yassin, Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri.

Dalam hal kesejahteraan warga dan kakitangan, Jabatan Penerangan juga telah mengadakan Majlis Membaca Doa Selamat khusus bagi empat orang warga Penerangan yang akan menunaikan ibadah Haji. Bagi mereka kita tidak lupa mengucapkan Selamat Menunaikan Ibadah Haji dan mendoakan semoga mendapat haji yang mabrur dan sentiasa dalam keadaan sihat walafiat.

Jabatan Penerangan dalam usahanya mendekati masyarakat juga terus aktif dengan mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Aidilfitri bersama Majlis Perundingan Kampung Tanjung Maya. Aktiviti seumpama ini antara lain bertujuan untuk sama-sama membantu memperbaiki lagi mutu perkhidmatan kepada masyarakat terutama dalam menilai keperluan-keperluan maklumat di sesebuah kampung. Majlis juga diselenggarakan dengan penyerahan Kotak Pelita Brunei kepada Ketua Kampung Tanjung Maya bagi kemudahan penduduk kampung berkenaan mendapatkan akhbar Pelita Brunei yang diterbitkan tiga kali seminggu.

Demikianlah antara aktiviti yang berlangsung di sepanjang bulan Oktober ini. Lebih banyak lagi acara yang akan berlangsung yang melibatkan Jabatan Penerangan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung pada bulan mendatang, insya-Allah.

Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong
Pengaroh Penerangan

Isi Kandungan

- Mesyuarat MOU Brunei Darussalam - Thailand	
- Pameran Bersama Brunei Darussalam - Thailand	1
- Majlis Makan Malam MOU Brunei Darussalam - Thailand	
- Majlis Penyerahan Poster Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-17	3
- Lawatan daripada Republik Indonesia	
- Lawatan Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin	4
- Lawatan Mahasiswa Mahasiswi Kelab RAKIS, UBD	
- Lawatan Mahasiswa Mahasiswi UBD	5
- Majlis Doa Selamat bagi pegawai dan kakitangan yang akan menunaikan fardu haji	
- MRO bertugas bagi bulan Oktober	6
- Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Jabatan Penerangan bersama MPK Tanjung Maya	7
- Pegawai Baru Berkhidmat	
- Selamat Pengantin Baru	
- Selamat Hari Lahir	8

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382012 atau 2382548

Atau e-mel terus ke wartapenerangan@gmail.com

Layarilah laman web PELITA BRUNEI melalui:
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>
E-mail: pelita.brunei@information.gov.bn
Keluarnya setiap 3 kali seminggu (Isnin, Rabu dan Sabtu)

Majlis Makan Malam Meraikan Delegasi Thailand

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned meraikan delegasi dari Thailand yang berada di negara ini bagi menghadiri Mesyuarat Ke-9 Jawatankuasa Teknikal Bersama di bawah Memorandum Persefahaman (MOU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Thailand Dalam Bidang Penerangan dan Penyiaran dengan Majlis Makan Malam.



Antara tetamu yang hadir di Majlis Makan Malam MOU di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Thailand Dalam Bidang Penerangan dan Penyiaran.

Majlis diadakan di Tarindak d'Seni pada 1 Oktober. Turut hadir di majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Thailand, Yang Berhormat Tuan Ongart Kalampaiboon selaku ketua rombongan.

Juga hadir di majlis tersebut Setiausaha Tetap di JPM, Pengiran Abdul Haris dan Timbalan Setiausaha Tetap JPM, Awang Haji Mahrub

manakala Thailand dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap di JPM Thailand, Tuan Yang Terutama Anek Permvongseni berserta delegasi yang lain.

MOU yang ditandatangani kedua buah negara sejak Ogos 2001 itu antara lain bersetuju melaksanakan pelbagai aktiviti seperti penerbitan rancangan televisyen, perkhidmatan-

perkhidmatan informasi kerajaan seperti pertukaran wartawan dan penerbitan, pertukaran lawatan termasuk latihan pendidikan dan penyelidikan.

Salah satu acara yang diungkuhkan dibawah memorandum itu ialah persembahan berbentuk hiburan kendalian bersama yang dikenali 'Alai Pa Plern'.

Majlis Penyerahan Poster Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-17

Majlis Penyerahan Poster Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-17, telah berlangsung di Dewan Setia Negara pada 14 Oktober.

Majlis dihadiri oleh Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong. Turut hadir pada majlis tersebut, Pemangku Pengarah Bahagian Pembangunan dan Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Awang Muhammad Sunadi bin Haji Buntar, pegawai-pegawai perhubungan awam dari agensi-agensi kerajaan dan jabatan-jabatan serta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Pengarah Penerangan dalam ucapannya di majlis tersebut menyentuh bahawa seluruh warga Perkhidmatan Awam perlu bersatu padu untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai atau 'stakeholders' bagi meningkatkan pembangunan dan kemajuan negara selaras dengan era globalisasi yang mencabar.

Di samping itu, bagi mengekalkan



Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong menyempurnakan penyerahan poster kepada Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Jaini bin Haji Abdullah.

Perkhidmatan Awam yang lebih cemerlang, para pegawai dan kakitangan kerajaan mesti mempunyai sikap proaktif dengan penuh kewibawaan untuk mengurus, mentadbir dan melaksanakan perkhidmatan yang ikhlas, cekap, berkesan, jujur dan telus melalui Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) yang menjadi slogan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Beliau juga menambah, Jabatan Penerangan akan terus memberikan kerjasama yang erat kepada JPA selaras dengan tugas dan

tanggungjawab jabatan ini untuk memberigakan dan mengangkat apa jua program dan aktiviti agensi-agensi kerajaan dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam demi kesejahteraan dan kemakmuran kehidupan rakyat dan penduduk negara ini

Pengarah Penerangan juga telah menyempurnakan penyerahan poster kepada Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Jaini bin Haji Abdullah yang kemudiannya menyerahkan kepada wakil agensi-agensi kerajaan.

Lawatan dari Republik Indonesia ke Jabatan Penerangan



Rombongan pegawai daripada Pusat Penelitian dan Pengembangan Kebudayaan, Badan Sumber Daya Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan dan Pariwisata Republik Indonesia bergambar ramai bersama Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Seramai sembilan orang pegawai daripada Pusat Penelitian dan Pengembangan Kebudayaan, Badan Sumber Daya Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan dan Pariwisata, Republik Indonesia mengadakan kunjungan lawatan ke Jabatan Penerangan pada 12 Oktober.

Rombongan yang diketuai oleh S. Dloyana Kusumah telah dialu-alukan oleh Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong. Rombongan berpeluang menyaksikan tayangan video bertajuk 'Melayu Islam Beraja' (MIB) yang menyentuh mengenai Sejarah Kesultanan Brunei dan Perkembangan Melayu Islam Beraja

dalam pemerintahan sultan-sultan berkenaan. Hadir sama di majlis taklimat tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan.

Antara lain tujuan lawatan tersebut adalah untuk menjalinkan silaturahim dalam bidang sejarah dan kebudayaan antara kedua-dua buah negara di samping mengunjungi warga Indonesia yang berada di Negara Brunei Darussalam.

Rombongan juga telah berpeluang meninjau ke Bahagian Pelita Brunei untuk melihat lebih dekat lagi

gerak kerja Pelita Brunei yang kini dikeluarkan tiga kali seminggu iaitu edisi Rabu, Sabtu dan Isnin sementara Pelita Online boleh dilayari setiap hari bermula jam 8.00 pagi.

Seterusnya rombongan berkunjung ke Bahagian Berita Inggeris yang antara lain berperanan untuk menerbitkan terbitan dalam bahasa Inggeris seperti Brunei Darussalam Newsletter, Brunei Today dan lain-lain di samping menyebarkan maklumat melalui laman-laman web jabatan. Sebelum berangkat pulang rombongan juga sempat mengunjungi ke Bahagian Fotografi dan Audio Visual.

Lawatan Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin



Rombongan murid dan guru dari Sekolah Rendah Mohd. Yassin, Rancangan Perumahan Negara Mentiri, Brunei II bergambar ramai bersama Pemangku Timbalan Pengarah, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Seramai 85 murid dan guru dari Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin, Rancangan Perumahan Negara Mentiri, Brunei II mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan pada 16 Oktober.

Semasa lawatan rombongan diberikan taklimat oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Haji Zahri bin Pengiran Adi mengenai struktur organisasi, sejarah dan

perkembangan serta strategi Jabatan Penerangan.

Rombongan juga berpeluang menyaksikan tayangan video bertajuk Melayu Islam Beraja (MIB) yang mengisahkan tentang sejarah Kesultanan Brunei dan perkembangan MIB dalam pemerintahan sultan-sultan berkenaan.

Rombongan juga berpeluang

mengikuti sesi beramah mesra dan soal jawab bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan.

Sebelum mengakhiri lawatan, rombongan sempat meninjau ke Bahagian Pelita Brunei Online, Bahagian Berita Inggeris dan Bahagian Pelita Brunei.

Lawatan Mahasiswa Mahasiswi Kelab RAKIS, Universiti Brunei Darussalam

Rombongan yang terdiri 30 mahasiswa Kelab RAKIS Universiti Brunei Darussalam yang diketuai oleh Pensyarah dari Jabatan Kesusasteraan, (UBD) Dayang Ena Herni binti Wasli telah mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan pada 20 Oktober.

Kelab RAKIS merupakan sebuah kelab sastera bernaung di bawah Program Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UBD. Kegiatan-kegiatan kelab ini lebih menjurus kepada bidang kesenian, kesusasteraan, kebudayaan dan penulisan.

Objektif lawatan mereka adalah untuk meninjau keadaan dan perkembangan serta kegiatan di Jabatan Penerangan yang bersangkutan-paut dalam bidang penulisan dan penerbitan untuk menambah pengetahuan dan meluaskan pengalaman para mahasiswa.

Semasa lawatan, rombongan diberikan taklimat oleh Ketua



Rombongan pelajar Universiti Brunei Darussalam diberikan penerangan semasa berkunjung ke Bahagian Berita Inggeris dan Bahagian Fotografi dan Audio Visual.



Bahagian Pelita Brunei, Dayangku Fatimah binti Pengiran Haji Md. Noor yang menyentuh mengenai penulisan berita dan rencana bagi akhbar, TV dan majalah.

Sementara itu Penolong Pegawai Penerangan, Awang Haji Salleh bin Haji Yussof seterusnya menerangkan mengenai struktur organisasi, sejarah dan perkembangan serta strategi Jabatan Penerangan.

Rombongan seterusnya mengikuti sesi ramah mesra dan soal jawab bersama Pemangku Timbalan

Pengarah, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar berserta pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan.

Di majlis ini, Pemangku Timbalan Pengarah juga menyampaikan cenderamata kepada ketua rombongan Kelab RAKIS.

Sebelum mengakhiri lawatan rombongan berpeluang maninjau ke Bahagian Pelita Brunei, Bahagian Berita Inggeris, Bahagian Fotografi dan Audio Visual dan Mini Perpustakaan.

Lawatan Mahasiswa Mahasiswi Universiti Brunei Darussalam



Rombongan pelajar Universiti Brunei Darussalam bergambar ramai bersama Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dan sebahagian dari pegawai-pegawai jabatan ini.

Seramai 16 pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang mengambil modul Kemahiran Komunikasi Strategik, Pusat Bahasa telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan pada 6 Oktober.

Rombongan diketuai oleh Pensyarah Pusat Bahasa, Dayang Hajah Mastura binti Haji Ismail.

Rombongan telah dialu-alukan oleh Pengarah Penerangan, Dr.

Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Taklimat mengenai Struktur Organisasi dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Jabatan Penerangan disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad, di samping tayangan video mengenai Pelita Brunei.

Rombongan juga berpeluang beramah mesra bersama Pengarah

Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dan pegawai-pegawai Jabatan Penerangan selain berkesempatan meninjau secara lebih dekat tugas dan tanggungjawab kakitangan bagi setiap bahagian.

Antara yang dilawati ialah Bahagian Pelita Brunei Online, Bahagian Pelita Brunei, Bahagian Berita Inggeris, Bahagian Fotografi & Audio Visual dan Mini Perpustakaan.

Majlis Doa Selamat bagi pegawai dan kakitangan yang akan menunaikan fardu haji



Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong menyampaikan ucapan alu-aluan.

Seramai empat orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan akan menunaikan fardu haji ke Mekah bagi musim haji tahun 2010M/1432H. Sehubungan dengan itu jabatan ini telah mengadakan Majlis Doa Selamat pada 19 Oktober

bertempat di Dewan Pengiran Serta Negara.

Acara dimulakan dengan ucapan Pengarah Penerangan. Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, diikuti dengan bacaan Doa Selamat bagi sama-sama mendoakan keselamatan mereka bertolak dan pulang ke tanah air serta mendapat haji yang mabrur.

Acara diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma daripada seluruh warga Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Pengarah Penerangan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Mereka yang akan berangkat menunaikan fardu haji bagi musim haji tahun 2010M/1432H ini ialah

Dayang Zabaidah binti Haji Salat, Penolong Penyunting Tingkat I, Awang Aliddin bin Haji Moktal, Penolong Penyunting Tingkat II, Dayang Painah binti Paiman, Penolong Penyunting Tingkat III dan Dayang Siti Zuraihah binti Awang Sulaiman, Pemberita.



Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong menyempurnakan penyampaian derma kepada salah seorang pegawai Jabatan Penerangan yang akan memunaikan fardu haji bagi musim haji tahun 2010M/1432H.

Pegawai Penghubung Media (MRO) yang bertugas pada bulan Oktober

Pegawai Penghubung Media atau Media Relations Officer (MRO) merupakan produk perkhidmatan Jabatan Penerangan yang bertugas mengawal selia, menyelaras serta memantau pergerakan Media dalam acara-acara yang melibatkan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja yang lain.

MRO bertugas untuk memastikan liputan setiap majlis tertentu akan berjalan dengan teratur dan kemas serta mengikut peraturan dan ketetapan yang sedia ada. Ia juga memastikan setiap pengamal media mematuhi etika kewartawanan, baik dari segi berpakaian dan liputan.

02 Oktober	-	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam keluar negeri di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.
09 Oktober	-	Majlis Junjung Ziarah Bakal Haji Bagi Tahun 1432H/2010M di Istana Nurul Iman.
11 Oktober	-	Ketibaan lawatan negara Gabenor Jeneral New Zealand di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.
	-	Majlis Mengadap lawatan negara Gabenor Jeneral New Zealand di Istana Nurul Iman
	-	Santap Malam lawatan negara Gabenor Jeneral New Zealand di Istana Nurul Iman.
13 Oktober	-	Bertolak balik lawatan negara Gabenor Jeneral New Zealand di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.
21 Oktober	-	Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam 2010 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.
23 - 26 Oktober	-	Majlis Pengurniaan Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman.
26 Oktober	-	Majlis Penganugerahan Kunci Perumahan Negara di Sekolah Vokasional Wasan.
27 Oktober	-	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam keluar negeri di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Jabatan Penerangan bersama MPK Tanjong Maya



Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong ketika menyaksikan pameran hasil usaha Majlis Perundingan Kampung (MPK) Tanjong Maya.

Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Jabatan Penerangan bersama Majlis Perundingan Kampung Tanjong Maya telah berlangsung pada 5 Oktober.

Majlis dihadiri oleh Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong serta pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan ini.

Semasa berucap di majlis tersebut, Pengarah Penerangan berkata kunjungan tersebut adalah selaras dengan tugas dan tanggungjawab jabatan sebagai ejen

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terutama sebagai 'mulut' dan 'telinga' bagi menyampaikan dan mendengar apa jua perkara-perkara yang berkaitan dengan kemasyarakatan dan kenegaraan yang perlu dikongsi bersama.

Hubungan baik di antara Jabatan Penerangan dengan Kampung Tanjong Maya amat dihargai kerana ianya dapat membantu memperbaiki lagi mutu perkhidmatan kepada masyarakat terutama dalam menilai

keperluan-keperluan maklumat di sesebuah kampung yang bukan sahaja memberi manfaat kepada masyarakat di Kampung Tanjong Maya malahan untuk seluruh masyarakat di Daerah Tutong.

Ketua Kampung Tanjong Maya, Awang Haji Md. Suif bin Haji Md. Yusof dalam ucapannya berkata, kehadiran pegawai-pegawai dari agensi-agensi kerajaan ini amat bermakna bagi beliau dan ahli MPK Tanjong Maya yang mana ianya akan menyuntik lagi semangat kepada penduduk kampung untuk bergiat mengejar kemajuan, di samping berusaha mengekalkan keharmonian dan perpaduan hidup berkampung yang lazimnya dilakukan bermuzarah bagi menghadapi masalah atau keputusan.

Hadir di majlis tersebut ialah Ketua Penerangan Daerah Tutong, penghulu dan ketua-ketua kampung, pegawai-pegawai kanan kerajaan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Hal Ehwal Ugama serta ahli-ahli MPK Tanjong Maya.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyerahan kotak Pelita Brunei kepada Ketua Kampung Tanjong Maya untuk kemudahan penduduk kampung mendapatkan akhbar Pelita Brunei yang diterbitkan tiga kali seminggu.



Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong ketika sesi permuzakarah bersama penduduk kampung.



Pegawai Baru Berkhidmat



Dayang Khartini binti Mohd. Hamir
Jawatan: Pemberita
Tarikh Melapor : 02 Oktober 2010



Dayang Nooratini binti Haji Abas
Jawatan: Pemberita
Tarikh Melapor: 02 Oktober 2010



Dayang Saerah binti Haji Abd Ghani
Jawatan: Pemberita
Tarikh Melapor: 02 Oktober 2010



Dayang Aimi binti Sani
Jawatan: Pemberita
Tarikh Melapor: 14 Oktober 2010

Selamat Pengantin Baru

Seluruh warga Jabatan Penerangan mengucapkan tahniah dan Selamat Pengantin Baru kepada :

Dayang Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok

&

Awang Mohammad Ali Hisham bin Haji Md. Yussof

yang melangsungkan perkahwinan pada Ahad, 31 Oktober 2010M bersamaan 23 Zulkaedah 1431H.

Selamat Hari Lahir

DAYANG HAJAH SITI SARAH BINTI BAKAR	2 OKTOBER
AWANG MOHD NIZAM BIN ABDULLAH	3 OKTOBER
AWANGKU JEFRI BIN PENGIRAN DURAMAN	6 OKTOBER
WAN MOHAMAD SAHRAN BIN WAN AHMADI	8 OKTOBER
AWANG BRAHIM BIN HAJI MOHAMAD NOR	10 OKTOBER
AWANG ABD HAKIM BIN HAJI IBRAHIM	11 OKTOBER
DAYANG SITI HANIZA BINTI AZARI	11 OKTOBER
DAYANG NORMAH BINTI HAJI TUMAR	12 OKTOBER
DAYANG HAJAH NOORASHIDAH BINTI HAJI ALIOMAR	14 OKTOBER
AWANG SAIPOL BAHRI BIN HAJI MAT ZAIN	16 OKTOBER
DAYANG MAS'AYU BINTI P.A. HAJI ABDULLAH	17 OKTOBER
AWANG ABDUL KADIR BIN MD TAHIR	18 OKTOBER
AWANG HAJI RAHIMIE BIN HAJI ANUAR	18 OKTOBER
AWANGKU SHAH HERMAN BIN PENGIRAN BIDIN	18 OKTOBER
AWANG HAJI JAFREY BIN MOHD HANAFIAH	19 OKTOBER
AWANG ABU BAKAR BIN HAJI ABD RAHMAN	23 OKTOBER
DAYANG SITI FAIZAHANISAH BINTI AWANG MAHANI	27 OKTOBER
AWANG MOHD RUSLI BIN ABDULLAH	28 OKTOBER